



MANGSA GODAM...Farah Fauzana (dua dari kanan) bersama rakan penyampai Hot FM melihat laporan polis serta butiran peribadi mereka yang didedahkan penggodam.

Laman sosial DJ digodam

H/M 7/10/2011 MS 6.

Maklumat peribadi didedahkan kepada umum

>Penggodam dijejak

PETALING JAYA: “Kalau dia seorang hamba Allah yang baik, dia tak akan menyusahkan orang lain,” kata penyampai radio popular Hot FM, Farah Fauzana selepas beberapa maklumat peribadinya didedahkan di laman web apabila e-mel dan akaun laman sosialnya digodam hujung bulan lalu.

Farah Fauzana atau nama sebenar, Farah Fauzana Mohd Fadzil berkata, laman sosialnya pernah digodam beberapa kali sebelum ini tetapi tidak seteruik apa yang berlaku sekarang.

“Saya sedar mengenai perkara ini semasa melayari twitter pada 23 September lalu selain turut mendapati akaun facebook (FB) dan e-mel turut diceroboh.

“Selain itu, banyak maklumat peribadi saya dan rakan penyampai lain turut dimuat turun penggodam itu tanpa memikirkan kesannya kepada kami,” katanya yang ditemui di Sri Pentas, di sini, semalam.

Selain Farah Fauzana, tiga lagi penyampai radio terkenal Hot FM iaitu Kieran (Mas Kiran Jakiran), AG (Muhammad Azmir Selamat) dan Sharifah Aleya Syed Zainal Rashid (Aleya) menerima nasib sama sehinggakan pelbagai maklumat peribadi mereka didedahkan.

Penggodam yang menggunakan nama Jar Jar Binks itu mencero boh laman sosial

KUALA LUMPUR: Polis menasihatkan orang ramai supaya tidak menyimpan butiran peribadi di dalam akaun laman sosial mereka bagi mengelakkan berlakunya kejadian kecurian maklumat oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Ketua Unit Keselamatan Siber, Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Superintendan Victor Sanjos berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada orang ramai berhubung masalah itu termasuk e-mel yang

diceroboh dan sedang melakukan siasatan lanjut.

“Kami sedang menyasiat dan berusaha menjejaki penggodam terbabit. Kes ini diasiat di bawah Akta Jenayah Komputer 1997 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM50,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Sementara itu, Hot FM dalam satu kenyataan berkata Hot FM tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan berunsur negatif atau berniat jahat melalui akaun laman sosial, facebook dan twitter milik stesen serta penyampai radio itu.

milik mereka seperti twitter dan facebook sehingga mengelirukan peminat penyampai radio berkenaan.

Nombor telefon beberapa lagi penyampai radio stesen itu termasuk artis turut didedahkan malah beberapa blogger berkaitan dunia hiburan menyiarkan maklumat berkenaan di laman blog mereka.

Farah Fauzana berkata, penggodam itu tidak sepatutnya melakukan perbuatan yang tidak bertanggungjawab sehingga menyusahkan orang.

“Perbuatan itu mengganggu kerja kami, selepas ini kami terpaksa merehatkan sementara waktu beberapa akaun laman sosial akibat

pencerobohan itu,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Rangkaian Radio Media Prima Berhad, Seelan Paul berkata, pihaknya sudah membuat laporan polis berhubung kejadian pencerobohan itu.

“Saya sangat kesal kerana butiran diri penyampai radio seperti nombor telefon, alamat dan salinan kad pengenalan didedahkan sedangkan ia sangat sensitif serta boleh memberi kesan tidak diingini kepada mereka.

“Saya tidak tahu siapa penggodam itu tetapi apabila dia mendedahkan butiran peribadi, ia bukan perkara main-main dan kami sangat memandang serius perbuatannya itu,” katanya.